

Malaysia anggap konflik di Bosnia akan berlanjutan

KUALA LUMPUR 20 Dis. — Malaysia menganggap konflik di Bosnia Herzegovina tidak dapat diselesaikan dan akan berlanjutan sepertimana yang berlaku ke atas negara Palestin.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, berkata, keadaan itu berlaku kerana Serb tidak ikhlas mencari jalan perdamaian.

“Saya yakin Serb ingin menguasai 25 peratus daripada Wilayah Croatia manakala Croatia pula hendak kembali wilayahnya. Bagaimanapun sekarang ini Serb sudah melakukan penghapusan etnik di situ dan menganggap itu hak dia,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada para pemberita sejurus tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, Subang selepas menghadiri sidang kemuncak Persidangan Pertubuhan Negara Islam (OIC), di

Casablanca, Maghribi dan mengadakan lawatan selama dua hari ke Croatia.

Mengenai resolusi OIC supaya negara-negara Islam mengenakan sekatan ekonomi ke atas negara yang bersubahat dengan Serb, Dr. Mahathir berkata, tindakan itu akan memberi kesan kepada negara yang terlibat.

“Jika Malaysia melakukan secara sendirian ia berkesan juga kerana sudah dua kali kita kenakan sekatan ekonomi...saya yakin kalau semua negara OIC sanggup termasuk negara miskin, ia akan memberi kesan, itu pandangan kita,” katanya.

Bagaimanapun, katanya, setakat itu tindakan tersebut hanyalah resolusi sahaja dan belum ada keputusan rasmi dibuat bilakah tindakan itu akan dilaksanakan.